Prestasi Industri Takaful

- Gambaran Keseluruhan Prestasi Industri
- Prestasi Perniagaan Takaful Keluarga
- Prestasi Perniagaan Takaful Am

Prestasi Industri Takaful

Gambaran Keseluruhan Prestasi Industri

Industri takaful terus berkembang pada tahun 2001 dengan petunjuk utama perniagaan mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka yang lebih tinggi dan memberangsangkan. Pendapatan caruman disatukan bagi sektor perniagaan takaful keluarga dan takaful am meningkat sebanyak 229.5% (2000: 30.5%) kepada RM1,465.5 juta, yang mana 89.1% daripada pendapatan tersebut dijana oleh sektor perniagaan takaful keluarga. Pertumbuhan pendapatan caruman disatukan adalah ekoran oleh kempen pemasaran yang dijalankan oleh pengendali takaful untuk menembusi peluang perniagaan yang luas yang belum diterokai dalam sektor takaful. Peratusan pendapatan caruman kepada jumlah pendapatan premium industri insurans meningkat kepada 9.1% pada tahun 2001, berbanding dengan 3.8% pada tahun 2000. Jumlah manfaat dan tuntutan yang dibayar (termasuk keuntungan) telah bertambah sebanyak 36.9% (2000: 30.5%) kepada RM157.7 juta, merupakan 10.7% daripada jumlah pendapatan caruman pada tahun 2001. Walaupun sebahagian besar manfaat dan tuntutan yang dibayar adalah daripada sektor takaful keluarga, perubahan tersebut bukanlah sesuatu yang membimbangkan kerana ia selaras dengan pertumbuhan perniagaan. Jumlah aset kumpulan wang takaful meningkat pada kadar 106% (2000: 40.1%) bagi mencapai RM2,407 juta, merupakan 4.6% (2000: 2.6%) daripada jumlah aset kumpulan wang insurans pada tahun 2001.

Carta 1.1 Caruman Takaful



Prestasi Perniagaan Takaful Keluarga

Perniagaan Baru

Sektor perniagaan takaful keluarga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2001, dengan jumlah caruman takaful baru berkembang sebanyak 367.4% (2000: 80.8%) mencapai RM1,306.4 juta. Begitu juga jumlah penyertaan baru yang bertambah sebanyak 44.9% kepada RM17,483.7 juta. Sejumlah 221,868 sijil takaful keluarga baru telah dikeluarkan pada tahun 2001. Jumlah ini merupakan pertambahan sebanyak 35.7% (2000: 163,492 sijil). Permintaan yang amat menggalakkan untuk skim anuiti (SATK) yang diperkenalkan khusus kepada pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan faktor penggerak perkembangan perniagaan takaful keluarga yang begitu pesat.

Jadual 1.1
Perniagaan Baru

Tahun	Bilangan Sijil	Jumlah Penyertaan	Caruman
	Unit	RM juta	
1997	50,005	2,317.8	79.2
1998	56,126	5,606.6	119.3
1999	100,511	5,996.3	154.6
2000	163,492	12,067.5	279.5
2001	221,868	17,483.7	1,306.4
	% perubahan		
1997	27.0	19.0	44.0
1998	12.2	141.9	50.7
1999	79.1	7.0	29.6
2000	62.7	101.2	80.8
2001	35.7	44.9	367.4

Jadual 1.2
Agihan Perniagaan Baru Mengikut Pelan

Perkara	1999	2000	2001	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Bilangan sijil	**Unit**			**% perubahan**			**% bahagian**		
Perseorangan	53,653	102,295	115,215	74.1	90.7	12.6	53.4	62.6	51.9
Perseorangan berjangka	2,427	5,111	5,482	238.5	110.6	7.3	2.4	3.1	2.5
Gadai janji	43,755	53,813	65,249	83.7	23.0	21.3	43.5	32.9	29.4
Berkumpulan	676	2,273	2,384	–11.6	236.2	4.9	0.7	1.4	1.1
Anuiti	–	–	33,538	–	–	–	–	–	15.1
Jumlah	100,511	163,492	221,868	79.1	62.7	35.7	100.0	100.0	100.0
Jumlah Penyertaan	**RM juta**			**% perubahan**			**% bahagian**		
Perseorangan	797.1	1,778.8	2,561.5	95.9	123.2	44.0	13.3	14.7	14.7
Perseorangan berjangka	2.3	187.6	38.1	35.3	8,056.5	–79.7	…	1.6	0.2
Gadai janji	2,381.3	2,955.4	6,417.2	53.8	24.1	117.1	39.7	24.5	36.7
Berkumpulan	2,815.6	7,145.7	6,702.0	–22.8	153.8	–6.2	47.0	59.2	38.3
Anuiti	–	–	1,764.9	–	–	–	–	–	10.1
Jumlah	5,996.3	12,067.5	17,483.7	7.0	101.2	44.9	100.0	100.0	100.0
Caruman	**RM juta**			**% perubahan**			**% bahagian**		
Perseorangan	28.8	64.6	74.4	60.9	124.3	15.2	18.6	23.1	5.7
Perseorangan berjangka	0.1	1.7	1.7	158.5	1,600.0	–	0.1	0.7	0.1
Gadai janji	115.7	163.9	291.8	40.4	41.7	78.0	74.8	58.6	22.3
Berkumpulan	10.0	49.3	58.3	–47.4	393.0	18.3	6.5	17.6	4.5
Anuiti	–	–	880.2	–	–	–	–	–	67.4
Jumlah	154.6	279.5	1,306.4	29.6	80.8	367.4	100.0	100.0	100.0

… Terlalu kecil

Skim anuiti yang dilancarkan pada bulan Julai 2000, membenarkan pencarum KWSP mengeluarkan sebahagian daripada jumlah tabungan mereka yang sedia ada dalam KWSP bagi mendapatkan sumber pendapatan yang terjamin dan berterusan. Kesedaran tentang perlunya mendapatkan jaminan pendapatan sepanjang hayat semasa tempoh persaraan dan kemudahan untuk memindahkan sebahagian daripada tabungan dalam KWSP telah menarik minat ramai pencarum KWSP, terutamanya kumpulan berpendapatan rendah. Dalam tempoh kurang daripada setahun menerusi pemasaran agresif yang dijalankan oleh pengendali takaful, skim anuiti telah berjaya menguasai 67.4% daripada jumlah caruman baru dan 10.1% daripada jumlah penyertaan. Walau bagaimanapun, skim tersebut telah dihentikan pada bulan Mei 2001.

Pelan takaful gadai janji terus memperoleh permintaan yang tinggi dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 21.3% dalam bilangan sijil baru. Walau bagaimanapun, penguasaannya dari segi jumlah caruman dan jumlah penyertaan telah terjejas berikutan kemunculan SATK. Jumlah caruman takaful baru yang diwakili telah merosot daripada 58.6% pada tahun 2000 kepada hanya 22.3% dalam tahun kajian. Seperti pada tahun-tahun yang lalu, perniagaan takaful gadai janji daripada kakitangan awam yang mendapat pembiayaan perumahan secara Islam daripada kerajaan merupakan penyumbang utama perniagaan bagi sektor ini. Walaupun terdapat pertumbuhan dalam pelan takaful gadai janji, pengendali takaful seharusnya meneroka pasaran lain yang berpotensi melalui rangkaian pemasaran alternatif, terutamanya bankasurans, bagi menjana perniagaan baru bagi sektor ini. Seperti pelan takaful gadai janji, perubahan dari segi minat orang perseorangan terhadap SATK juga menjejaskan jumlah bahagian caruman baru bagi pelan keluarga perseorangan. Sektor ini telah mencatat kemerosotan dalam bahagiannya daripada 23.1% kepada 5.7% pada tahun 2001.

Pelan takaful keluarga perseorangan berjangka, yang sebahagian besarnya merupakan pelan berjangka yang boleh diperbaharui pada setiap

Jadual 1.3
Penamatan Jumlah Penyertaan

Tahun	Kematian	Serahan	Berhenti, Cukup Tempoh dan Sebab-sebab lain.	Jumlah
	RM juta			
1997	8.6	19.5	622.1	650.2
1998	15.7	49.6	1,063.2	1,128.5
1999	19.5	100.8	1,944.0	2,064.4
2000	28.6	475.2	4,032.4	4,536.2
2001	29.7	237.9	5,170.1	5,437.7
	% bahagian			
1997	1.3	3.0	95.7	100.0
1998	1.4	4.4	94.2	100.0
1999	0.9	4.9	94.2	100.0
2000	0.6	10.5	88.9	100.0
2001	0.5	4.4	95.1	100.0
	% jumlah penyertaan berkuatkuasa pada awal tahun			
1997	0.2	0.4	13.6	14.2
1998	0.2	0.6	13.4	14.3
1999	0.2	0.8	15.8	16.8
2000	0.1	2.5	21.2	23.8
2001	0.1	0.9	20.2	21.3

tahun, hanya menawarkan manfaat kematian dan hilang upaya tanpa mempunyai unsur tabungan, mencatatkan perkembangan negatif dari segi jumlah penyertaan baru dan caruman. Ciri-ciri yang tidak menarik pada takaful keluarga perseorangan berjangka seperti jumlah sumbangan yang tetap dan tiada unsur tabungan telah menyebabkan peserta mengalihkan minat mereka kepada pelan takaful yang lebih inovatif. Pengendali takaful hendaklah mempertingkatkan ciri-ciri pelan takaful keluarga perseorangan berjangka untuk menarik minat lebih ramai peserta. Sebagai perbandingan dengan sektor perniagaan takaful keluarga yang lain, pelan takaful keluarga perseorangan berjangka masih kekal kecil dan hanya merupakan 0.1% (2000: 0.7%) daripada jumlah caruman takaful baru pada tahun 2001.

Pada keseluruhannya, perniagaan takaful keluarga masih mengekalkan corak aliran pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, perkembangan dalam pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh permintaan yang menggalakkan daripada peserta terhadap SATK selain daripada usaha pemasaran yang agresif oleh pengendali takaful. Tanpa SATK, caruman dan jumlah penyertaan baru bagi pelan takaful keluarga akan hanya mencatatkan kadar pertumbuhan masing-masing sebanyak 52.5% dan 30.3%. Berikutan pemberhentian SATK yang merupakan sumber utama perniagaan dan pendapatan, pengendali takaful hendaklah berusaha lebih gigih untuk memajukan perniagaan pelan takaful keluarga yang lain agar dapat mengekalkan pertumbuhan dalam perniagaan takaful keluarga.

Penamatan

Dalam tahun kajian, penamatan jumlah penyertaan telah meningkat sebanyak 19.9% kepada RM5,437.7 juta, melibatkan sebanyak 20,650 sijil takaful dengan caruman takaful berjumlah RM27.9 juta. Sebab utama penamatan penyertaan adalah kerana kematangan sijil, sijil tidak diperbaharui dan pengurangan dalam jumlah penyertaan yang merupakan 95.1% daripada jumlah penyertaan yang ditamatkan pada tahun 2001. Seperkara yang menggalakkan ialah penamatan melalui serahan telah berkurangan sebanyak 49.9% berbanding peningkatan sebanyak 371.4% pada tahun 2000. Kemerosotan dalam serahan menunjukkan bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh pengendali takaful seperti menawarkan skop perlindungan dan manfaat yang lebih luas telah mula menampakkan hasilnya.

Walaupun SATK telah diberhentikan dalam bulan Mei 2001, ia tidak menjejaskan

Jadual 1.4
Perniagaan Berkuatkuasa

Tahun	Bilangan Sijil	Jumlah Penyertaan	Caruman
	Unit	RM juta	
1997	112,605	7,892.2	162.3
1998	160,944	12,291.7	253.0
1999	279,491	19,031.4	399.1
2000	439,822	25,568.2	596.7
2001	648,654	37,492.0	1,698.5
	% perubahan		
1997	47.4	72.9	93.7
1998	42.9	55.7	55.9
1999	73.7	54.8	57.7
2000	57.4	34.3	49.5
2001	47.5	46.6	184.6

Jadual 1.5
Agihan Perniagaan Berkuatkuasa Mengikut Pelan

Perkara	1999	2000	2001	1999	2000	2001	1999	2000	2001
Bilangan Sijil	**Unit**			**% perubahan**			**% bahagian**		
Perseorangan	129,339	225,354	329,641	56.8	74.2	46.3	46.3	51.3	50.8
Perseorangan berjangka	2,517	4,999	5,710	–44.2	98.6	14.2	0.9	1.1	0.9
Gadai janji	146,225	206,836	276,691	101.4	41.5	33.8	52.3	47.0	42.7
Berkumpulan	1,410	2,633	3,179	5.7	86.7	20.7	0.5	0.6	0.5
Anuiti	–	–	33,433	–	–	–	–	–	5.1
Jumlah	279,491	439,822	648,654	73.7	57.4	47.5	100.0	100.0	100.0
Jumlah Penyertaan	**RM juta**			**% perubahan**			**% bahagian**		
Perseorangan	1,925.2	3,200.0	7,565.7	62.6	66.2	136.4	10.1	12.5	20.2
Perseorangan berjangka	7.4	172.6	52.5	1.4	2,232.4	–69.6	…	0.7	0.1
Gadai janji	7,633.0	10,900.1	14,350.5	91.9	42.8	31.7	40.1	42.6	38.3
Berkumpulan	9,465.7	11,295.5	13,764.8	32.9	19.3	21.9	49.7	44.2	36.7
Anuiti	–	–	1,758.6	–	–	–	–	–	4.7
Jumlah	19,031.4	25,568.2	37,492.1	54.8	34.3	46.6	100.0	100.0	100.0
Caruman	**RM juta**			**% perubahan**			**% bahagian**		
Individual	75.0	128.8	184.3	55.6	71.3	43.1	18.8	21.5	10.8
Perseorangan berjangka	0.1	1.4	1.9	–50.0	1,700.0	35.7	…	0.3	0.1
Gadai janji	286.2	406.4	542.9	63.3	42.0	33.6	71.7	68.1	32.0
Berkumpulan	37.7	60.0	94.4	28.2	59.1	57.3	9.5	10.1	5.6
Anuiti	–	–	875.0	–	–	–	–	–	51.5
Jumlah	399.1	596.7	1,698.5	57.7	49.5	184.6	100.0	100.0	100.0

… Terlalu kecil

pengendali takaful kerana sebahagian besar sijil masih kekal berkuatkuasa. Hanya 118 sijil yang merupakan 0.3% daripada jumlah sijil SATK baru dengan jumlah penyertaan sebanyak RM6.3 juta telah diserahkan sepanjang tahun kajian.

Perniagaan Berkuatkuasa

Pertumbuhan ketara dalam perniagaan baru daripada SATK serta kadar serahan yang sederhana telah menyumbang ke arah peningkatan perniagaan berkuatkuasa bagi takaful keluarga pada tahun 2001. Bilangan sijil

Jadual 1.6
Saiz Purata Sijil Berkuatkuasa

Tahun	Caruman [1]				Jumlah Penyertaan [2]			
	Perseorangan	Perseorangan Berjangka	Gadai janji	Berkumpulan	Perseorangan	Perseorangan Berjangka	Gadai janji	Berkumpulan
	RM							
1997	671	38	2,191	21,053	16,548	1,235	51,344	5,118,944
1998	584	36	2,414	22,045	14,350	1,618	54,795	5,339,313
1999	580	50	1,957	26,747	14,885	2,958	52,200	6,713,291
2000	572	289	1,964	22,800	14,200	34,534	52,699	4,289,985
2001	559	325	1,962	29,711	22,951	9,194	51,865	4,329,915

[1] Purata caruman berkuatkuasa - jumlah caruman berkuatkuasa dibahagi dengan bilangan sijil berkuatkuasa
[2] Purata jumlah penyertaan berkuatkuasa - jumlah penyertaan berkuatkuasa dibahagi dengan bilangan sijil berkuatkuasa

Jadual 1.7
Kos Purata Sijil Berkuatkuasa[1]

Jenis Pelan	1997	1998	1999	2000	2001
	RM				
Perseorangan	41	41	39	40	24
Perseorangan Berjangka Gadai janji	31	22	17	8	36
Berkumpulan	43	44	37	37	38
	4	4	4	5	7

[1] Caruman bagi setiap RM 1,000 jumlah peyertaan berkuatkuasa

takaful berkuatkuasa telah meningkat sebanyak 47.5% kepada 648,654 sijil. Jumlah penyertaan bertambah sebanyak 46.6% bagi mencapai RM37,492.0 juta, sementara jumlah caruman bertambah dengan ketara sebanyak 184.6% kepada RM1,698.5 juta pada tahun 2001.

Dari segi jumlah penyertaan berkuatkuasa, semua sektor perniagaan takaful keluarga, kecuali pelan takaful perseorangan berjangka telah mencatatkan kadar pertumbuhan teguh pada tahun 2001. Pelan takaful perseorangan berjangka telah mencatatkan kemerosotan yang mendadak pada tahun kajian dengan pertumbuhan negatif sebanyak 69.6%. Pelan takaful gadai janji pula berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 31.7% (2000: 42.8%) sementara pelan takaful berkumpulan berjaya mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Permintaan berterusan terhadap dua produk pelan takaful berkumpulan iaitu pelan persaraan berkumpulan dan pelan kredit berkumpulan telah membantu sektor ini untuk mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Dari segi agihan jumlah penyertaan berkuatkuasa, pelan takaful gadai janji dan pelan takaful keluarga berkumpulan terus menguasai dengan bahagian masing-masing sebanyak 38.3% (2000: 42.6%) dan 36.7% (2000: 44.2%). Disebabkan pertumbuhan negatif yang dicatatkan oleh pelan takaful keluarga perseorangan berjangka, bahagian jumlah penyertaan berkuatkuasanya pada tahun 2001 kekal kecil.

Saiz Purata Sijil Berkuatkuasa

Saiz purata caruman berkuatkuasa bagi semua kelas takaful keluarga (diukur secara membahagikan jumlah caruman berkuatkuasa dengan bilangan sijil berkuatkuasa) telah meningkat, kecuali bagi pelan takaful keluarga

Jadual 1.8
Pendapatan dan Wang Keluar

Perkara	1997		1998		1999		2000		2001	
	RMj	%	RMj	%	RMj	%	RMj	%	RMj	%
Pendapatan										
Caruman diperolehi	122.2	88.1	183.2	94.7	233.0	88.0	317.8	90.4	1,306.4	96.1
Pendapatan pelaburan	15.5	11.2	15.2	7.8	31.0	11.7	33.5	9.5	46.9	3.5
Pendapatan lain	1.0	0.7	-4.9	-2.5	0.8	0.3	0.1	0.1	5.8	0.4
Jumlah	138.7	100.0	193.5	100.0	264.8	100.0	351.4	100.0	1,359.1	100.0
Wang Keluar										
Tuntutan dan serahan	14.6	10.5	25.2	13.0	39.2	14.8	51.3	14.6	87.6	6.4
Bayaran keuntungan	1.2	0.9	1.8	0.9	2.7	1.0	4.3	1.2	4.4	0.3
Takaful semula	1.6	1.1	2.5	1.3	2.6	1.0	3.3	0.9	3.9	0.3
Komisen	4.2	3.0	6.4	3.3	9.2	3.5	14.2	4.0	24.4	1.8
Perbelanjaan pengurusan [1]	2.7	1.9	4.4	2.2	3.3	1.2	10.1	2.9	18.2	1.3
Perbelanjaan lain	0.4	0.3	2.3	1.2	3.1	1.2	4.4	1.2	-2.0	-0.1
Jumlah	24.7	17.8	42.4	21.9	60.1	22.7	87.6	24.8	136.4	10.0
Lebihan pendapatan ke atas wang keluar masuk	114.0	82.2	151.2	78.1	204.7	77.3	263.8	75.1	1,222.7	90.0

[1] Termasuk gaji dan perbelanjaan

perseorangan dan pelan takaful gadai janji yang masing-masing mencatat kemerosotan sebanyak 2.3% dan 0.1% kepada RM559 dan RM1,962. Dalam kes pelan takaful keluarga berkumpulan dan pelan takaful keluarga berjangka, purata caruman takaful berkuatkuasa meningkat masing-masing sebanyak 30.3% dan 12.5% kepada RM29,710 dan RM325 bagi setiap sijil.

Sepanjang tahun kajian, purata jumlah penyertaan bagi setiap sijil berkuatkuasa pelan takaful perseorangan (diukur secara membahagikan jumlah penyertaan berkuatkuasa dengan bilangan sijil berkuatkuasa) telah meningkat dengan ketara sebanyak 61.6% kepada RM22,951 (2000: RM14,200) berikutan perlindungan yang lebih luas yang disediakan di bawah pelan tersebut. Bagi pelan takaful keluarga berkumpulan, purata jumlah penyertaan bagi setiap sijil berkuatkuasa pada tahun 2001 meningkat sedikit iaitu sebanyak 0.9% kepada RM4,329,915 berbanding sebanyak RM4,289,985 pada tahun lepas.

Kos Purata Sijil Berkuatkuasa

Kos purata sijil berkuatkuasa (diukur melalui purata caruman takaful berkuatkuasa bagi setiap RM1,000 jumlah penyertaan berkuatkuasa) bagi pelan takaful perseorangan berjangka dan pelan takaful keluarga berkumpulan masing-masing meningkat kepada RM36 dan RM7. Walau bagaimanapun, kos purata bagi pelan takaful perseorangan telah merosot sebanyak 40% kepada RM24 pada tahun 2001 disebabkan oleh persaingan yang sengit di kalangan pengendali takaful yang menawarkan perlindungan takaful pada kadar caruman yang secara kompetitifnya rendah. Bagi pelan takaful keluarga gadai janji, purata kosnya kekal stabil pada RM38 (2000 : RM37) bagi tiga tahun berturut-turut. Pada keseluruhannya, kos purata bagi sijil takaful keluarga berkuatkuasa mencatatkan arah aliran yang meningkat kecuali bagi kos pelan perseorangan yang merosot secara mendadak dalam tahun kajian.

Pendapatan dan Wang Keluar

Jumlah pendapatan kumpulan wang takaful keluarga bertambah dengan ketara sebanyak 286.8% (2000: 32.7%) kepada RM1,359.1 juta pada tahun 2001. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, caruman yang diterima terus menjadi sumber utama pendapatan bagi kumpulan wang takaful keluarga. Ia merupakan 96.1% daripada jumlah pendapatan pada tahun 2001. Sebaliknya, bahagian pendapatan pelaburan daripada jumlah pendapatan telah merosot kepada 3.5% (2000: 9.5%) akibat daripada pertumbuhan yang ketara dalam caruman yang diterima.

Carta 1.2
Komposisi Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga



Dari segi perbelanjaan pula, jumlah yang ditanggung oleh kumpulan wang takaful meningkat dengan kadar yang lebih perlahan daripada pendapatan sebanyak 55.7% kepada RM 136.4 juta pada tahun 2001. Jumlah tuntutan termasuk serahan kekal sebagai komponen terbesar perbelanjaan yang mencatatkan sebanyak 64.2% daripada jumlah wang keluar (2000 : 58.6%).

Lebihan pendapatan ke atas wang keluar bagi perniagaan takaful keluarga meningkat sebanyak 363.5% (2000 : 28.9%) kepada RM1,222.7 juta pada tahun 2001 (2000 : RM263.8 juta). Jumlah ini merupakan 90% (2000 : 75.1%) daripada jumlah pendapatan kumpulan wang takaful keluarga pada tahun 2001. Tahun 2001 menyaksikan peningkatan dalam keuntungan yang dipindahkan kepada pengendali takaful. Sejumlah RM23.7 juta (2000 : RM13.6 juta) telah dipindahkan kepada kumpulan wang pemegang saham di bawah kontrak perkongsian untung di antara pengendali takaful dan peserta takaful keluarga.

Jadual 1.9
Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga

Perkara	1997		1998		1999		2000		2001	
	RMj	%	RMj	%	RMj	%	RMj	%	RMj	%
Aset tetap	11.9	4.2	45.3	11.4	50.7	8.3	54.1	6.2	61.2	3.0
Pembiayaan	25.2	8.8	38.8	9.8	54.7	9.0	47.4	5.4	74.1	3.6
Terbitan Pelaburan Kerajaan	58.3	20.4	79.7	20.1	66.2	10.9	108.0	12.3	312.6	15.3
Sekuriti korporat	67.5	23.6	55.0	13.9	131.0	21.6	206.0	23.5	505.9	24.8
Deposit pelaburan	80.3	28.1	99.0	25.0	174.7	28.8	430.7	49.1	1,003.6	49.2
Unit amanah	5.4	1.9	5.5	1.4	7.3	1.2	7.1	0.8	5.1	0.3
Bil penerimaan Islam	27.0	9.5	67.3	17.0	115.4	19.0	12.9	1.5	8.5	0.4
Wang tunai dan simpanan	0.2	0.1	0.3	0.1	5.2	0.9	2.1	0.2	42.4	2.1
Aset lain	9.8	3.4	5.6	1.3	2.2	0.3	8.8	1.0	26.2	1.3
Jumlah	285.6	100.0	396.4	100.0	607.4	100.0	877.1	100.0	2,039.6	100.0

Bayaran Manfaat Takaful

Jumlah manfaat takaful (termasuk bayaran keuntungan) yang dibayar kepada peserta pada tahun 2001 berjumlah RM92.0 juta, pertambahan sebanyak 65.5% daripada RM55.6 juta yang dibayar pada tahun 2000. Sebahagian besar bayaran manfaat (46.8%) adalah terdiri daripada manfaat kematian dan hilang upaya, sementara serahan merupakan 31.5%, diikuti oleh bayaran keuntungan (4.8%) dan tuntutan kematangan (4.1%). Sebahagian kes serahan dan sebahagian besar bayaran manfaat melibatkan sijil takaful keluarga perseorangan. Pengeluaran akaun peserta yang mudah tanpa kehilangan caruman terus merupakan sebab utama pengaliran yang besar dalam serahan sijil takaful keluarga perseorangan.

Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga

Jumlah aset kumpulan wang takaful keluarga telah bertambah lebih dua kali ganda kepada RM2,039.6 juta pada tahun 2001. Kebanyakan pelaburan dibuat dalam akaun

Jadual 1.10
Keputusan Penilaian

Perkara	1999		2000		2001	
	RMj	%perubahan	RMj	% perubahan	RMj	% perubahan
Akaun khas peserta						
Kumpulan wang peserta	423.9	55.2	614.3	44.9	1,250.4	103.5
Liabiliti penilaian	399.9	48.3	555.6	38.9	1,213.3	118.4
Lebihan/defisit	24.0	605.9	58.7	144.6	37.1	-36.8
Akaun Berkumpulan						
Kumpulan wang peserta	22.2	44.2	29.2	31.5	101.0	245.9
Caruman risiko belum tamat	11.5	33.7	15.5	34.8	74.0	377.4
Peruntukan bagi tuntutan dialami tetapi belum dikemukakan	2.6	44.4	3.4	30.8	3.5	2.9
Lebihan/defisit	8.1	65.3	10.3	27.2	23.4	127.2

pelaburan manakala pengendali takaful mengkaji semula pilihan mereka untuk melaburkan pendapatan yang berlebihan berikutan pertambahan jumlah perniagaan sepanjang tahun kajian. Tahun 2001 juga menyaksikan pertambahan pelaburan dalam Terbitan Pelaburan Kerajaan daripada RM108 juta kepada RM312.6 juta. Pemegangan kertas terbitan tersebut adalah sebahagian besarnya dipandu oleh keperluan Akta yang menghendaki pemegangan minimum 15% dalam bentuk Terbitan Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Walaupun pelaburan dalam sekuriti korporat telah meningkat dengan ketara sebanyak 145.6% kepada RM505.9 juta, kebanyakannya adalah terdiri daripada bon yang dijamin oleh Kerajaan dan merupakan aset yang berisiko rendah.

Laporan Penilaian

Seksyen 42 Akta Takaful 1984 menghendaki pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful keluarga untuk membuat penyiasatan aktuari tahunan terhadap kedudukan kewangan kumpulan wang takaful keluarga yang diperuntukkan khusus bagi pembayaran manfaat takaful serta mengemukakan laporan keputusan penilaian tersebut kepada Ketua Pengarah. Penilaian berkanun ke atas Akaun Khas Peserta (AKP) bagi kedua-dua pengendali takaful telah dibuat menggunakan kaedah penilaian caruman bersih berasaskan "Jadual Kemortalan Penilaian Berkanun 1996" dengan kadar penilaian keuntungan sebanyak 4% dan 4.5% masing-masing bagi caruman tahunan dan caruman tunggal. Bagi perniagaan anuiti, penilaian dilakukan dengan menggunakan "Jadual Kemortalan Anuitan a(90)" dengan kadar penilaian keuntungan sebanyak 5%.

Selaras dengan pertumbuhan positif perniagaan berkuatkuasa, jumlah liabiliti penilaian AKP terus meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu sebanyak 118.4% (2000 : 38.9%) untuk mencapai RM1,213.3 juta pada tahun 2001. Agregat lebihan pengaktuarian AKP mencatatkan kemerosotan sebanyak 36.8% berbanding RM58.7 juta pada tahun 2000 kepada RM37.1 juta pada tahun 2001 yang disebabkan oleh bertambahnya peruntukan aktuari. Bagi pelan takaful keluarga berkumpulan, caruman dikumpulkan di dalam akaun yang berasingan daripada AKP. Lebihan pengaktuarian, setelah peruntukan rizab dan peruntukan lain yang berkenaan, dikongsi di antara pengendali takaful dan peserta yang layak. Akaun takaful keluarga berkumpulan menyaksikan lebihan sebanyak RM23.4 juta pada tahun 2001 (2000 : RM10.3 juta).

Prestasi Perniagaan Takaful Am

Pertumbuhan dan Agihan Caruman

Perniagaan takaful am terus meningkatkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2001 dengan jumlah caruman kasar meningkat sebanyak 28.6% kepada RM227.7 juta. Kedua-dua pengendali takaful telah meningkatkan pendapatan perniagaan mereka daripada sektor pelbagai, yang mencatatkan pertumbuhan yang paling kukuh pada kadar 33.1% (2000: 13.1%) berbanding dengan sektor takaful am yang lain. Peningkatan perniagaan tersebut adalah daripada subsektor pelbagai yang terdiri daripada kemalangan perseorangan, pampasan pekerja, liabiliti dan kemalangan pelbagai. Marin, udara dan transit (MUT) mencatatkan pertumbuhan pada kadar 11.2% pada tahun

Jadual 1.11
Agihan Caruman Kasar

Tahun	Marin, udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Pelbagai	Semua sektor
			'Akta'	Lain-lain	Jumlah		
	RM juta						
1997	0.5	31.4	7.7	33.0	40.7	19.5	92.1
1998	1.7	47.1	10.4	39.0	49.4	24.4	122.6
1999	1.5	57.7	11.6	42.2	53.8	29.8	142.8
2000	6.8	71.9	13.1	51.5	64.6	33.7	177.0
2001	7.5	95.5	14.4	65.4	79.8	44.9	227.7
	% perubahan						
1997	–	53.2	-10.5	38.7	25.6	43.4	37.5
1998	240.0	50.0	35.1	18.2	21.4	25.1	33.1
1999	–11.4	22.4	11.7	8.3	9.0	22.2	16.5
2000	353.3	24.6	12.9	22.0	20.1	13.1	23.9
2001	11.2	32.7	9.9	27.1	23.6	33.1	28.6
	% bahagian						
1997	0.5	34.1	8.4	35.8	44.2	21.2	100.0
1998	1.4	38.4	8.5	31.8	40.3	19.9	100.0
1999	1.1	40.4	8.1	29.6	37.7	20.9	100.0
2000	3.9	40.6	7.4	29.1	36.5	19.0	100.0
2001	3.3	41.9	6.3	28.7	35.1	19.7	100.0

Jadual 1.12
Nisbah Bendungan[1]

Tahun	Marin, udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Pelbagai	Semua sektor
			'Akta'	Lain-lain	Jumlah		
	%						
1997	60.0	61.8	98.7	98.8	98.8	73.3	80.6
1998	47.0	55.2	100.0	97.4	97.9	67.2	74.7
1999	6.8	56.4	99.5	97.8	98.2	74.9	75.5
2000	25.0	55.1	98.5	97.3	97.5	67.1	71.7
2001	28.9	55.1	95.3	95.1	95.1	63.3	69.9

[1] Peratusan bersih kepada caruman kasar

2001, satu penurunan yang mendadak berbanding dengan kadar pertumbuhan 353.3% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang ketara dalam tahun 2000 tidak mencerminkan kadar pertumbuhan industri takaful kerana asas caruman kasar pada tahun-tahun yang lepas adalah kecil. Dari segi agihan portfolio,

Jadual 1.13
Agihan Caruman Bersih

Tahun	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Pelbagai	Semua sektor
			'Akta'	Lain-lain	Jumlah		
	%						
1997	0.3	19.4	7.6	32.6	40.2	14.3	74.2
1998	0.8	26.0	10.4	38.0	48.4	16.4	91.6
1999	0.1	32.5	11.6	41.3	52.9	22.3	107.8
2000	1.7	39.6	12.9	50.1	63.0	22.6	126.9
2001	2.2	52.6	13.7	62.2	75.9	28.4	159.1
	% perubahan						
1997	…	44.8	-8.4	39.9	27.2	18.2	29.3
1998	166.7	34.0	36.8	16.6	20.4	14.7	23.4
1999	-87.2	25.1	11.1	8.7	9.2	36.1	17.7
2000	1,600.0	21.8	11.2	21.3	19.1	1.3	17.7
2001	28.7	32.9	6.6	24.2	20.6	25.7	25.4
	% bahagian						
1997	0.4	26.1	10.2	43.9	54.2	19.3	100.0
1998	0.9	28.4	11.3	41.5	52.8	17.9	100.0
1999	0.1	30.2	10.7	38.3	49.0	20.7	100.0
2000	1.3	31.2	10.2	39.5	49.7	17.8	100.0
2001	1.4	33.1	8.6	39.1	47.7	17.8	100.0

… Terlalu kecil

Jadual 1.14
Pengalaman Tuntutan

Tahun	Tuntutan Kasar		Tuntutan Bersih	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
1997	17.3	106.0	16.1	111.8
1998	18.9	9.2	17.4	8.1
1999	34.5	82.7	24.2	39.3
2000	43.7	26.7	31.0	28.1
2001	81.3	86.1	38.7	24.8

perniagaan takaful kebakaran kekal sebagai sektor yang dominan untuk tiga tahun berturut-turut sejak tahun 1999, merangkumi 41.9% daripada jumlah caruman kasar takaful am. Pertambahan caruman dalam sektor perniagaan takaful kebakaran disumbangkan oleh dua perniagaan baru dalam skim risiko besar dan khusus yang diperolehi pada tahun kajian iaitu dalam sektor hartanah bukan kediaman .

Daripada jumlah keseluruhan caruman kasar yang dicatatkan pada tahun kajian, 69.9% atau RM159.1 juta telah dibendung dalam industri takaful am. Sebagai langkah untuk mengurangkan impak pertambahan dalam kos tuntutan bagi sektor motor dan pelbagai, kedua-dua pengendali takaful telah memilih untuk mengurangkan bendungan mereka dalam kedua-dua sektor tersebut. Sektor motor dan pelbagai masing-masing mencatatkan nisbah bendungan yang menurun iaitu 95.1% (2000: 97.5%) dan 63.3% (2000: 67.1%) pada tahun 2001. Sebaliknya, walaupun sektor kebakaran mencatatkan pengalaman tuntutan yang tinggi

Jadual 1.15
Nisbah Tuntutan[1]

Tahun	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Pelbagai	Semua sektor
			'Akta'	Lain-lain	Jumlah		
	%						
1997	54.4	12.1	68.1	25.4	34.8	67.2	37.2
1998	14.5	12.5	33.8	28.2	29.5	96.6	36.0
1999	103.4	14.0	30.7	38.8	36.9	71.8	38.1
2000	60.8	15.3	43.3	33.6	35.6	73.0	38.6
2001	103.5	10.2	48.7	44.6	45.3	80.0	41.5

[1] Tuntutan bersih yang kena dibayar sebagai nisbah pendapatan caruman yang diperolehi

Jafual 1.16
Pengalaman Pengunderaitan

Tahun	Pendapatan caruman yang diperolehi	Tuntutan bersih dibayar	Komisen	Perbelanjaan pengurusan	Margin Pengunderaitan
	RM juta				
1997	66.6	24.8	1.1	2.7	38.1
1998	76.3	27.5	1.4	3.2	44.3
1999	96.5	36.8	2.4	3.1	54.2
2000	114.1	44.0	3.1	7.4	59.6
2001	140.3	58.2	1.7	9.7	70.7
	% perubahan	% pendapatan caruman diperolehi			
1997	30.8	37.2	1.7	4.1	57.2
1998	14.6	36.0	1.8	4.2	58.1
1999	26.4	38.1	2.5	3.2	56.2
2000	18.2	38.6	2.7	6.5	52.2
2001	24.5	41.5	1.2	6.9	50.4

secara konsisten, nisbah bendungan oleh pengendali takaful dalam perniagaan takaful kebakaran kekal pada 55.1% disebabkan oleh kapasiti yang kecil di kalangan pengendali untuk menambahkan bendungan mereka dalam sektor tersebut.

Pengalaman Tuntutan

Tuntutan kasar yang dibayar (tuntutan kasar dibayar tolak salvaj) di sepanjang tahun kajian berjumlah RM 81.3 juta, iaitu pertambahan 86.1% daripada RM43.7 juta dalam tahun 2000. Daripada jumlah keseluruhan tuntutan kasar yang dibayar, 52.1% atau RM42.6 juta diperolehi daripada pengendali takaful semula dan penanggung insurans semula. Tuntutan kumpulan wang takaful am pada keseluruhannya telah merosot sepertimana yang dicerminkan oleh peningkatan dalam nisbah tuntutan daripada 38.6% pada tahun 2000 kepada 41.5% pada tahun 2001. Penyumbang utama kepada kemerosotan ini adalah peruntukan yang lebih tinggi bagi tuntutan rizab Kerugian Tertanggung Tetapi Tak Dilaporkan (IBNR) yang berjumlah RM5.4 juta dalam sektor motor, yang meningkatkan jumlah keseluruhan rizab motor kepada RM38 juta pada tahun 2001. Pertambahan dalam nisbah tuntutan pelbagai daripada 73.0% kepada 80.0% merupakan perkara yang perlu diberi perhatian kerana pengendali takaful sedang meningkatkan perniagaan dalam sektor tersebut.

Pengalaman Pengunderaitan

Hasil pengunderaitan bagi tahun 2001 meningkat sebanyak 18.6% kepada RM70.7 juta. Walau bagaimanapun, hasil tersebut tidak termasuk perbelanjaan pengurusan dan komisen oleh satu pengendali takaful yang mana polisi perakaunannya adalah dengan menolak perbelanjaan tersebut daripada kumpulan wang pemegang saham. Meskipun begitu, peningkatan dalam hasil pengunderaitan masih tidak sepadan dengan peningkatan pendapatan caruman diperolehi akibat dari peningkatan dalam tuntutan dibayar pada tahun kajian. Pertambahan dalam kos tuntutan telah menghalang pengendali takaful daripada melaporkan margin pengunderaitan yang lebih baik pada tahun 2001. Margin pengunderaitan yang dicatatkan oleh pengendali takaful pada tahun 2001 adalah 50.4% berbanding 52.2% pada tahun sebelumnya. Usaha yang lebih gigih perlu dilakukan oleh kedua-dua pengendali takaful untuk mengkaji semula kualiti perniagaan yang diurus niagakan supaya aliran keluar daripada kumpulan wang takaful am diurus dengan lebih baik.

Aset Kumpulan Wang Takaful Am

Jumlah aset kumpulan wang takaful am telah meningkat sebanyak 26.2% (2000: 28.2%) kepada RM 367.4 juta pada tahun 2001. Dalam tahun kajian, terdapat peralihan ketara dalam agihan aset kumpulan wang takaful am. Deposit pelaburan mencatatkan peningkatan tertinggi

Carta 1.3
Komposisi Aset Kumpulan Wang Takaful Am



pada tahun kajian dengan kadar pertumbuhan sebanyak 135% dan merupakan 43.2% daripada jumlah aset kumpulan wang takaful am. Pertambahan dalam jumlah deposit dalam akaun pelaburan juga disebabkan oleh aliran masuk perolehan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan yang telah matang. Sebaliknya, sekuriti korporat yang merupakan komponen utama pelaburan sebelum ini, mencatatkan kemerosotan dalam pertumbuhan aset sebanyak 11.8% yang disumbangkan oleh peralihan kepada aset berisiko rendah oleh pengendali takaful.

Jadual 1.17
Aset Kumpulan Wang Takaful Am

Jenis Pelaburan	1997		1998		1999		2000		2001	
	RMj	%	RMj	%	RMj	%	RMj	%	RMj	%
Aset tetap	1.8	1.1	23.3	14.7	27.1	11.9	30.2	10.4	31.3	8.5
Pembiayaan	17.4	11.2	16.9	10.7	14.5	6.4	14.6	5.0	15.9	4.3
Terbitan Pelaburan Kerajaan	32.0	20.6	34.0	21.5	23.4	10.3	34.3	11.8	27.6	7.5
Sekuriti korporat	39.2	25.2	18.1	11.4	52.2	23.0	96.0	33.0	84.7	23.1
Deposit pelaburan	29.7	19.1	27.1	17.1	53.1	23.4	67.5	23.2	158.6	43.2
Unit amanah	3.3	2.1	1.6	1.0	2.1	0.9	2.2	0.7	1.5	0.4
Bil penerimaan Islam	20.4	13.1	25.9	16.4	30.7	13.5	4.0	1.4	4.0	1.1
Wang tunai dan simpanan	1.8	1.1	2.2	1.4	8.5	3.7	10.2	3.5	6.5	1.8
Aset lain	10.1	6.5	9.1	5.8	15.3	6.8	32.0	11.0	37.2	10.1
Jumlah	155.7	100.0	158.2	100.0	227.0	100.0	291.1	100.0	367.4	100.0